

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 23 JUNE 2017 |

EXCO ARMADA lapor SPRM isu kekayaan anak Dr M

BH- 23/6/2017 pg. 14

[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]



Abd Wahazir (tengah) menunjukkan beberapa informasi syarikat yang didakwa membabitkan anak Tun Dr Mahathir di pekarangan Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, semalam.

Putrajaya: Seorang EXCO Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), semalam, membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan kekayaan luar biasa anak Pengerusi parti itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Abd Wahazir Abd Wahabi berkata, pihaknya mahu SPRM menyiasat kekayaan itu serta pemilikan syarikat oleh empat anak Dr Mahathir iaitu Tan Sri Mokhzani, Mirzan, Datuk Seri Mukhriz dan Datin Paduka Marina didakwa keseluruhan berjumlah 488 syarikat.

Jumpa Dr M

“Beberapa bulan lalu, saya dan beberapa ahli berjumpa dengan Tun Dr Mahathir dan membangkitkan isu ini namun beliau menafikan sepenuhnya.

“Bila saya lihat semula, masih ada lagi beberapa syarikat yang

dimiliki anaknya beroperasi sejak beliau menjadi Perdana Menteri sehingga hari ini, termasuk mendapat tender kerajaan. Hari ini saya serahkan senarai syarikat itu kepada SPRM” katanya ketika ditemui di ibu pejabat SPRM di sini.

Didakwa sibuk buat sidang media

Abd Wahazir menyelar Ketua ARMADA, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, yang didakwa sibuk membuat sidang media menuduh beberapa EXCO sayap itu belot kepada parti.

“Sepatutnya isu ini dibawa oleh ketua saya sendiri kerana beliau pemimpin anak muda yang nononnya mengatakan kepada kita supaya telus kepada rakyat.

“Dalam PPBM, kita diajar supaya menolak salah guna kuasa, penyelewengan duit dan paling utama ketelusan kepada rakyat,” katanya.

**Fakta
nombor**

488 SYARIKAT

didakwa dimiliki
empat anak
Dr Mahathir